UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

LAMPIRAN 3

# MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KUMPULAN FOKUS KHAS

# REKOD DAN ARKIB UNIVERSITI AWAM BIL.2/2024

**TARIKH** : **21 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)**

**MASA** : **09.20 PAGI – 1.00 TENGAHARI**

**TEMPAT** : **BILIK MESYUARAT UTAMA, PERPUSTAKAAN TUANKU BAINUN, UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)**

**HADIR FIZIKAL**

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | Ts. Haji Azizi bin Haji Jantan (Pengerusi)<br>Ketua Pustakawan<br>Universiti Teknologi MARA (UiTM) | 6. | Cik Ruzita Binti Kamis<br>Pustakawan<br>Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) |
| 2. | En. Ahamad Zuber bin Mohamed (Timbalan Pengerusi)<br>Timbalan Ketua Pustakawan Kanan<br>Universiti Teknologi MARA (UiTM) | 7. | Puan Noor Faezah Binti Shaari<br>Pustakawan Kanan<br>Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) |
| 3. | Puan Siti Mawarni binti Salim<br>Pustakawan Kanan<br>Universiti Malaya (UM) | 8. | Encik Muizzudin bin Kaspol<br>Timbalan Ketua Pustakawan<br>Universiti Putra Malaysia (UPM) |
| 4. | Puan Rasyidah binti Mohd Daud<br>Pustakawan Kanan<br>Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) | 9. | Encik Zaidi bin Saad<br>Pustakawan Kanan<br>Universiti Teknikal Melaka (UTEM) |
| 5. | Encik Iswan Akim Bin Ismail<br>Pustakawan<br>Universiti Malaysia Pahang (UMP) | 10. | Puan Muliati Binti Abdul Samad<br>Pustakawan Kanan<br>Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 11. | Puan Azura binti Mohamad Hashim<br>Timbalan Ketua Pustakawan<br>Universiti Teknologi MARA (UiTM) | 14. | En. Ahmad Faisal bin Ishak<br>Pustakawan Kanan<br>Universiti Malaysia Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) |
| 12. | Encik Mohd Al Farabie bin Mohd Nasir<br>Pustakawan Kanan<br>Universiti Teknologi MARA (UiTM) | 15. | En. Mohd Shahrul Annuar bin Alawi<br>Pustakawan<br>Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) |
| 13. | Puan Azniza binti Mohamad Nor (Setiausaha)<br>Penolong Pendaftar Kanan (Arkib)<br>Universiti Teknologi MARA (UiTM) | | |

**HADIR MAYA**

| | | | |
|---|---|---|---|
| 16. | Encik Zaiden Bin Sanyut<br>Ketua Penolong Pengarah<br>Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) | 20. | En. Lukman Anwar Arifin<br>Pustakawan Kanan<br>Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) |
| 17. | En. Lukman Anwar Bin Arifin (online)<br>Pustakawan Kanan<br>Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) | 21. | En. Norhardi bin Saad<br>Penolong Ketua Pustakawan<br>Universiti Utara Malaysia (UUM) |
| 18. | Puan Noor Izzati Binti Mat Nuri<br>Pustakawan Kanan<br>Universiti Malaysia Kelantan (UMK) | 22. | Puan Syahranah binti Ahmad Raqi<br>Timbalan Pustakawan<br>Universiti Teknologi Malaysia (UTM) |
| 19. | Puan Nur Asyikin Binti Lut Ahmad<br>Pustakawan Kanan<br>Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) | 23. | En. Almanizam bin Alias<br>Pustakawan Kanan<br>Universiti Malaysia Terengganu (UMT) |

**TIDAK HADIR DENGAN IZIN**

| | | | |
|---|---|---|---|
| 24. | Cik Norhazura Binti Hamzah<br>Pustakawan<br>Universiti Putra Malaysia (UPM) | 26. | Puan Anna Michael<br>Timbalan Ketua Pustakawan Kanan<br>Universiti Malaysia Sabah (UMS) |
| 25. | En. Mohd Fuad bin Haron<br>Pustakawan Kanan<br>Universiti Sains Malaysia (USM) | 27. | Encik Mohd Tajuddin bin Atin<br>Pustakawan Kanan<br>Universiti Malaysia Sabah (UMS) |

**TURUT HADIR**

| | | | |
|---|---|---|---|
| 28. | En. Hisyam Abd. Shukor<br>Pustakawan Kanan<br>Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) | 30. | En. Mohd Fazaldin bin Abdul Latif<br>Pembantu Pustakawan<br>Universiti Malaysia Pahang Sultan Abdullah (UMPSA) |
| 29. | Puan Roszainatul Haizan binti Rusili<br>Penolong Pendaftar Kanan<br>Universiti Teknologi MARA (UiTM) | 31. | Puan Setra Ginsim<br>Kurator<br>Universiti Malaysia Sabah (UMS) |

| PERKARA | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| **PENDAHULUAN BAHAGIAN 1A** | **KATA ALU-ALUAN PENGERUSI** | |
| | Pengerusi Jawatankuasa Kumpulan Fokus Khas (KFK) Rekod dan Arkib Universiti Awam mengalu-alukan kehadiran semua ahli jawatankuasa yang hadir secara fizikal dan secara online.<br><br>Pengerusi memaklumkan kehadiran ahli jawatankuasa semua amat dihargai dalam usaha kita untuk membincangkan dan merangka inisiatif yang penting mengenai pengurusan rekod dan arkib di universiti. Diharapkan perbincangan kita hari ini dapat membuahkan hasil yang positif dan bermanfaat untuk semua pihak. | Makluman |
| **BAHAGIAN 1B** | **PENGESAHAN MINIT MESYUARAT** | |
| | Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Fokus Khas (KFK) Rekod dan Arkib Universiti Awam Bil.01/2024 bertarikh 05 Jun 2024 telah disahkan dengan pindaan.<br>Dicadang oleh : Puan Rasyidah binti Mohd Daud<br>Universiti Islam Antarabangsa (UIAM)<br>Disokong oleh : Puan Siti Mawarni binti Salim<br>Universiti Malaya (UM) | |
| **BAHAGIAN 2** | **PERKARA-PERKARA BERBANGKIT** | |
| | **2.1.1 Latihan/Bengkel Pengurusan Rekod Dan Arkib**<br>**2.1.1.1 Kursus Berbayar Pengurusan Rekod dan Arkib UiTM**<br>Kursus Berbayar Pengurusan Rekod dan Arkib UiTM akan dilaksanakan pada tahun 2025. Kursus akan diuruskan oleh Puan Azura Mohamad Hashim, Ketua Unit Pengurusan Rekod, PTAR UiTM. Jemputan peserta kursus adalah | Puan Azura Mohamad Hashim UiTM |

| | | |
|---|---|---|
| | dikalangan universiti awam.<br><br>**2.1.1.2 Kursus Metadata Bahan Arkib**<br>Kursus Metadata Bahan Arkib juga akan dilaksanakan pada tahun 2025. Kursus akan diuruskan oleh Encik Mohd Al-Farabie bin Mohd Nasir, Ketua Seksyen Pengurusan Arkib, PTAR UiTM. Jemputan peserta kursus juga adalah dikalangan universiti awam. | Encik Mohd Al-Farabie bin Mohd Nasir<br>UiTM |
| **BAHAGIAN 3** | **PERKARA BAHARU** | |
| **3.1** | **HAL EHWAL PENGURUSAN REKOD** | |
| | **3.1.1 Cadangan kelulusan Portal Pengurusan Rekod dan Arkib Universiti Awam**<br>Encik Ahamad Zuber membentangkan Portal Pengurusan Rekod dan Arkib Universiti Awam yang telah dibangunkan dengan kerjasama Bahagian Arkib Universiti dan Bahagian Perpustakaan Digital, Perpustakaan Tun Abdul Razak, Universiti Teknologi MARA (UiTM). Kandungan portal tersebut meliputi maklumat berkaitan :<br>i. Pengenalan<br>ii. Objektif<br>iii. Fungsi<br>iv. Senarai Jawatankuasa<br>v. Aktiviti KFK<br>vi. Aktiviti Universiti Awam<br>a. Mesyuarat/Perbincangan<br>b. Lawatan dan Penandaarasan | Makluman |

| | | |
|---|---|---|
| | c. Taklimat/Kursus/Bengkel<br>vii. Pembelajaran<br>viii. Info Arkib<br>ix. Galeri<br><br>**Keputusan**<br>i. Pengerusi mengucapkan terima kasih diatas inisiatif pembangunan portal yang baik. Portal tersebut perlu mempunyai maklumat segala aktiviti berkaitan pengurusan rekod dan arkib di universiti awam bagi rujukan bersama.<br><br>ii. Encik Muizzudin dari Universiti Putra Malaysia (UPM) mengesyorkan penambahbaikan portal boleh dibuat dengan tambahan Frequently Ask Question (FAQ) Rekod dan Arkib, Dasar Pengurusan Arkib Universiti Awam dan dokumen minit-minit mesyuarat jawatankuasa.<br><br>**3.1.2 Laporan Pengurusan Rekod Universiti Teknologi MARA (UiTM)**<br>Puan Azura Mohamad Hashim membentangkan aktiviti pengurusan rekod Bahagian Arkib Universiti (BARU), Perpustakaan Tun Abdul Razak bagi tempoh Januari - November 2024 meliputi :<br>i. Fungsi unit<br>ii. Pelaksanaan sepuluh (10) kursus/bengkel pengurusan rekod kepada staf UiTM dan agensi luar<br>iii. Penggunaan Sistem Audit Pengurusan Rekod (ARMS), pelaksanaan sepuluh (10) lawatan audit pengurusan rekod serta tiga (3) lawatan inspektorat di pusat tanggungjawab (PTj) UiTM Shah Alam. | Universiti Awam<br><br>UiTM<br><br>Makluman |

iv. Penerimaan lawatan penandaarasan dan latihan sangkut daripada universiti awam, agensi luar dan UiTM Kampus Cawangan.

v. Pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Keselamatan Rekod bil 1/2024 bertarikh 03 Julai 2024 yang di pengerusikan oleh Ketua Pustakawan, UiTM.

vi. Perbincangan penambahbaikan pengurusan rekod universiti bersama Arkib Negara Malaysia, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO), Pejabat Naib Canselor dan Pejabat pendaftar.

vii. Empat puluh empat (44) permohonan pelupusan rekod daripada Pusat Tanggungjawab (PTj) UiTM Shah Alam yang melibatkan 1,367,006 rekod.

viii. Permohonan pelantikan pengurus rekod iaitu sebanyak 159 staf yang telah dilantik meliputi Pegawai Pengelas, Pendaftar Rahsia, Pegawai Rekod Jabatan dan Pembantu Tadbir Rekod Jabatan.



**3.1.3 Amalan Terbaik UiTM : Laporan Tinjauan Tahap Kompetensi Pengurusan Rekod dan Arkib Staf UiTM**

Puan Azura Mohamad Hashim membentangkan Laporan Tinjauan Tahap Kompetensi Pengurusan Rekod dan Arkib Staf UiTM. Objektif pembentangan adalah seperti berikut :

Makluman

i. Berkongsi amalan terbaik UiTM bagi meningkatkan kompetensi pengurusan rekod, arkib dan galeri UiTM.
ii. Memaklumkan aktiviti yang akan dilaksanakan bagi meningkatkan kompetensi staf pengurusan rekod dan arkib UiTM.
iii. Mempromosikan SME Digital Archivist dan Pengurusan Rekod Universiti












**3.1.4 Laporan Pengurusan Rekod dan Arkib Universiti Malaysia Kelantan (UMK)**

Puan Noor Izzati binti Mat Nuri, Pustakawan Kanan, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah membentangkan Laporan Pencapaian dan Aktiviti berkaitan rekod dan arkib UMK bagi sepanjang tahun 2024 kepada semua ahli mesyuarat.

Makluman















**Keputusan :**

Pengerusi mengucapkan terima kasih diatas pelaporan yang baik daripada pihak UMK. Pengerusi mencadangkan semua universiti awam mengambil peluang membentangkan pelaporan aktiviti masing-masing. Pengerusi mencadangkan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berkongsi laporan pengurusan rekod dan arkib pada mesyuarat akan datang.

Puan Noor Izzati Binti Mat Nuri, UMK

| 3.2 | HAL EHWAL PENGURUSAN ARKIB | |
|---|---|---|

### 3.2.1 Laporan Pengurusan Arkib Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Encik Mohd Al Farabie bin Mohd Nasir, Pustakawan Kanan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah membentangkan Laporan Pengurusan Arkib Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Makluman

a) Statistik keseluruhan penerimaan bahan arkib iaitu sebanyak 84,236 manakala bahan arkib di UiTM Shah Alam sahaja adalah sebanyak 36,060 bahan.




Encik Mohd Al Farabie bin Mohd Nasir juga membentangkan sebanyak 14 sesi libat urus bersama pusat tanggungjawab telah dilaksanakan berkaitan pengurusan rekod dan arkib.

Makluman






| BAHAGIAN 4 | HAL-HAL LAIN | |
|---|---|---|
| | **4.1 Perancangan Pengurusan Rekod dan Arkib Universiti Awam bagi tahun 2025**<br>4.1.1 Semua 20 universiti awam telah menyediakan pelaporan perancangan aktiviti, keterangan aktiviti dan cadangan tarikh yang akan diadakan di universiti masing-masing berkaitan pengurusan rekod dan arkib bagi sepanjang tahun 2025 melalui templat slaid yang dikongsikan oleh pihak urusetia sebelum mesyuarat dilaksanakan.<br><br>Pengerusi berminat terhadap pelaksanaan Sambutan Hari Arkib Antarabangsa di peringkat Universiti Awam, penganjuran Kempen Foto Memori oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), serta program Road Tour.<br><br>4.1.2 Encik Muizzudin berkongsi pelaksanaan Sambutan Hari Arkib Antarabangsa di UPM pada tahun 2024 bertemakan '#ArchivesAreYou'. Diantara aktiviti yang diadakan iaitu :<br>i. Tayangan Wayang Pacak,<br>ii. Hari Konsultasi Kempen Derma Bahan,<br>iii. Kempen Kesedaran Pengurusan Rekod,<br>iv. Uji Pengetahuan Trivia Sejarah Anda,<br>v. Taklimat Pelupusan Rekod dan<br>vi. Bengkel Membaiki Buku Rosak.<br><br>Diantara perancangan sambutan pada tahun 2025 adalah :<br>i. Pameran 9 Dekad UPM - Tema 9 Dekat Bakti Pustaka melibatkan semua bahan media, audio visual di Perpustakaan Sultan Abdul Samad bermula kewujudan 90 | Makluman |

| | | |
|---|---|---|
| | tahun Sekolah Pertanian sehingga Universiti Putra Malaysia kepada warga universiti.<br><br>**Keputusan :**<br>Pengerusi menyarankan semua ahli melaksanakan Meet & Greet kepada warga universiti sebagai langkah awal ketampakan dan mendekatkan kepada warga berkaitan kefungsian pengurusan rekod dan arkib. | Makluman |
| | **4.2 Cadangan Lokasi Mesyuarat KFK Rekod dan Arkib Bil. 1/2025**<br>Pengerusi dan ahli jawatankuasa bersetuju mengadakan Mesyuarat KFK Rekod & Arkib Universiti Awam Bil.1/2025 di Universiti Putra Malaysia (UPM) secara fizikal. | Encik Muizzudin bin Kaspol, UPM |
| | **4.3 Memohon Kebenaran Mengurus Penyimpanan Dokumen Bernilai Arkib Milik Universiti Malaysia Sabah di Universiti Malaysia Sabah**<br>Puan Setra Ginsim dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) memaklumkan menerima surat daripada Arkib Negara Malaysia mengenai kebenaran penyimpanan bahan arkib di Unit Arkib UMS.<br><br>**Keputusan:**<br>Pengerusi meminta UMS menyemak keputusan daripada Arkib Negara Malaysia (ANM) Negeri Sabah, serta mengarahkan agar semua ahli turut melaksanakan semakan yang sama dan bersedia sekiranya terdapat arahan lanjut daripada ANM. | Puan Setra Ginsim, UMS |
| | Pengerusi memaklumkan terdapat pertukaran di kalangan pengarah-pengarah di PTAR UiTM yang akan mengisi kekosongan Gred 54. Amalan terbaik yang dilaksanakan diperingkat | Makluman |

| | | |
|---|---|---|
| | Universiti Awam akan dipantau melalui Portal Kumpulan Fokus Khas (KFK) Rekod dan Arkib Universiti Awam.<br><br>Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.00 tengahari. | |

**Disediakan oleh:**

……………………………………………………

**AZNIZA BINTI MOHAMAD NOR**
Setiausaha
Mesyuarat Jawatankuasa KFK Rekod dan Arkib Universiti Awam

**Disahkan oleh:**

……………………………………………………

**Ts. HAJI AZIZI BIN HAJI JANTAN**
Pengerusi
Mesyuarat Jawatankuasa KFK Rekod dan Arkib Universiti Awam